

28 AUG 1998

Najib-Umno

ANGGOTA UMNO MESTI HAPUSKAN SEGERA PERSENGKETAAN

KOTA BAHARU, 28 Ogos (Bernama) -- Anggota UMNO mesti menghapuskan segera apa-apa persengketaan, jika masih berlaku di kalangan mereka, dalam usaha membantu Barisan Nasional memenangi pilihan raya akan datang.

Naib Presiden UMNO Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak berkata dalam persediaan menghadapi pilihan raya, anggota peringkat bawahan perlu menghormati dan memberi kerjasama sepenuhnya kepada ketua yang dipilih.

"Ketua pula kena jaga semua anggota di bawahnya, seolah-olah semuanya anak buahnya," katanya kepada pemberita selepas melancarkan jentera pilihan raya Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO Negeri di sini, hari ini.

Sehubungan itu, beliau berkata, anggota UMNO tidak boleh mempunyai agenda lain selain daripada memastikan perpaduan yang kukuh dan bekerjasama bertindak dalam satu pasukan secara bersepadu ke arah memantapkan perjuangan parti.

"Kekuatan yang mutlak itu tidak akan datang sekelip mata tetapi mesti diusahakan oleh kita secara terancang dan bersungguh-sungguh," katanya.

Beliau berkata, kesetiaan kepada pucuk pimpinan parti dengan menerima apa jua keputusan dan gesaannya secara tidak berbelah bahagi akan memberi kejayaan dalam perjuangan parti.

"Kita kena sentiasa mengingatkan kepada anggota UMNO supaya ulangan saranan memperkuat perpaduan, akan memberi kesan supaya sekurang-kurangnya seseorang akan fikir dua-tiga kali sebelum membuat perkara yang bertentangan dengan semangat dan prinsip parti," katanya.

Beliau juga mengharapkan supaya jentera pilihan raya UMNO Kelantan yang terdiri daripada tiga peringkat iaitu bahagian, pergerakan Pemuda dan Wanita, bergerak secara bersepadu dalam satu pasukan untuk memenangi kembali pemerintahan negeri itu daripada parti Pas.

Mengenai kenyataan Pergerakan Pemuda UMNO semalam untuk terus menyokong kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Najib berkata "saya harap ini akan sentiasa diulangi oleh Pemuda dan patuh kepada sebarang gesaan pucuk pimpinan parti".

Terdahulu ketika berucap, Najib yang juga Menteri Pendidikan berkata kerajaan sentiasa menjaga nasib pelajar bumiputera dari golongan miskin supaya dapat melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi.

"Kita memberi jaminan untuk terus membantu pelajar berkenaan termasuk melalui Tabung Pendidikan Negara," katanya.

Turut hadir pada majlis yang dihadiri kira-kira 1,000 anggota jentera pilihan raya pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO Kelantan itu ialah Ketua Pergerakan Pemuda Umno Datuk Ahmad Zahid Hamidi.

-- BERNAMA

BD NMO